



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

14 NOVEMBER 2017

1. Graduan UITM jadi penternak ayam penelur; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
☒ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL	☐ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL
☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR	☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR
☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO	☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO
☐ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME	☐ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME
☐ THE SUN	☐ SUNDAY STAR	☐ THE SUN	
RUANGAN : Keusahawanan M/SURAT: 54		RUANGAN :	
PERKARA			
☐ DASAR JABATAN	☐ IMPORT EKSPORT	☐ SISTEM KUALITI	☒ PELBAGAI
☐ KESIHATAN AWAM	☐ KAWALAN PENYAKIT	☐ PENGUATKUASAAN	
☐ KEBAJIKAN HAIWAN	☐ TEKNOLOGI VETERINAR	☐ ADUAN	
TARIKH			
14 November 2017			

Graduan UiTM jadi penternak ayam penelur

Hanya bermodalkan RM5,000 kini raih lebih RM5,000 sebulan

Oleh Poliana Ronnie Sidom poliana@bh.com.my

Sukau

Bagaikan mengerti ia tempat khas untuk bertelur, seekor demi seekor ayam masuk ke tong berwarna putih, hijau dan biru yang diletakkan di atas para untuk mengeram.

Di sudut lain dalam reban ayam terletak di tengah ladang kelapa sawit itu, sejumlah 700 ekor ayam penelur atau nama saintifiknya *Gallus gallus* lain sibuk menikmati baja dengan penuh disiplin tanpa saling bercakaran dan berlawan kokok.

Pemilik reban ayam, Mohd Elmin Enis, 26, yang mengusahakan penternakan ayam penelur sejak enam tahun lalu mendedahkan tidak sukar mendisiplinkan ayam berkenaan untuk bertelur dalam

tong disediakan.

Anak muda berkelulusan Diploma Perdagangan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah itu berkata, beliau cuma mengambil masa seminggu untuk melatih ayam terabit bertelur di tong khas itu, sekali gus mengelak telur pecah akibat dipijak ayam lain, sebelum dikutip dan dijual.

Jaga kebersihan reban

"Memang pada awalnya ayam bertelur merata tempat, tetapi kami kutip telur dan masukkan ke dalam tong sebaik mereka bertelur dan lama-kelamaan menjadi biasa, masuk sendiri ke dalam tong untuk mengeram.

"Ayam juga perlu diberi makanan dan minuman mencukupi, selain menjaga kebersihan reban agar ayam tidak stress, sekali gus menghasilkan telur berkualiti," katanya kepada BH di Suan Lamba.

Ketika ini, Elmin yang juga anak kedua daripada enam beradik memternak 748 ekor ayam dengan telur dijual di kedai runcit sekitar ladang berkenaan serta pekan berhampiran.

Dapat bantuan LKTNs

Dalam seminggu, Elmin mampu menjual 115 kotak atau 3,300 biji telur dengan pendapatan bulanan mencecah sehingga RM5,000 tertakluk kepada permintaan.

Pada 2012, Elmin bermula dengan modal cuma RM5,000 dengan kira-kira 300 ekor ayam.

Bermula tahun ini, Elmin mendapat bantuan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNs) menerusi program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) untuk menambah keluasan reban kepada 15 meter panjang dan enam meter lebar, selain disediakan kemudahan lain termasuk janakuasa, pam air automatik serta membina pagar.

Selain memberi makan rumput, anak kedua daripada enam beradik yang juga generasi kedua peladang itu berkata, beliau juga memberi ayamnya memakan biji kelapa sawit yang mengandungi lemak, menjadikan telur ayam lebih bermutu tinggi dengan kuning telur lebih kental dan tidak mudah pecah.

Beliau turut menggunakan ilmu ditimba belajar, di universiti dengan membuat enzim sendiri bagi memastikan kebersihan reban ayam terjaga dan tidak berbau busuk.

"Saya juga google dan melihat di YouTube bagaimana menghasilkan vitamin sendiri untuk menguatkan daya tahan ayam melawan penyakit kerana harga vitamin sekarang mahal.

BH PLUS
di www.bharian.com.my untuk lesen gambar dan video

Fakta nombor

3,300 TELUR
mampu dijual seminggu

